



SIARAN AKHBAR

KUTIPAN DERMA MENYALAHGUNAKAN NAMA DAN LOGO BDCB DAHULU

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) mengambil perhatian mengenai kutipan derma bagi Tabung Kemanusiaan Gaza (Palestin), yang kononnya diluluskan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam, iaitu nama dahulu BDCB.
2. BDCB ingin menegaskan bahawa sesiapa yang menggunakan nama atau logo BDCB tanpa kebenaran bertulis atau menggunakan nama, simbol, rekabentuk atau lambang BDCB yang serupa atau menyerupai nama, simbol, rekabentuk atau lambang BDCB untuk memperdaya/menipu atau menyebabkan kekeliruan atau berkemungkinan untuk memperdaya/menipu atau menyebabkan kekeliruan merupakan kesalahan di bawah Bab 74A Perintah BDCB, 2010. Jika disabit kesalahan, hukuman denda tidak melebihi BND20,000, penjara tidak melebihi tujuh tahun, atau kedua-duanya sekali boleh dijatuhkan. BDCB tidak teragak-agak mengambil tindakan terhadap pelaku.
3. Jika terdapat sebarang keraguan mengenai perkara ini, orang ramai dinasihatkan untuk menghubungi BDCB untuk pengesahan melalui talian 8318388 atau emel info@bdcb.gov.bn.
4. Kami juga ingin menasihatkan orang ramai untuk sentiasa berwaspada dan melindungi diri daripada kemungkinan penipuan derma dengan sentiasa mengesahkan kutipan derma dan pengendalinya dengan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan. Orang ramai juga dinasihatkan untuk jangan sekali-kali menghantar wang atau mengongsikan butiran peribadi atau perbankan dengan sesiapa yang awda tidak kenali atau percaya.
5. BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam. BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 28 Safar 1446H / 2 September 2024M

Rujukan: BDCB/COMMS/3

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) mempunyai empat objektif utama iaitu untuk: mencapai dan mengekalkan kestabilan harga domestik; memastikan kestabilan sistem kewangan, melalui peraturan kewangan dan piawaian yang berhemat; membantu dalam mengadakan sistem pembayaran yang cekap; dan menggalakkan dan mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh serta progresif.